

**KENYATAAN AKHBAR SETIAUSAHA EKSEKUTIF
LEMBAGA PERLESENAN TENAGAATOM (LEMBAGA)
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)
MENGENAI KEPUTUSAN LEMBAGA KE ATAS PERMOHONAN LESEN
KENDALIAN SEMENTARA (TOL) LYNAS**

Mesyuarat Ahli Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Lembaga) telah diadakan pada Isnin, 30 Januari 2012 bagi meneliti dokumen-dokumen yang telah dikemukakan kepada pihak Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) dan seterusnya membuat keputusan sama ada permohonan Lesen Kendalian Sementara (TOL) bagi Syarikat Lynas diluluskan atau tidak.

Penilaian ini mengambil kira ulasan dan pandangan orang awam semasa dokumen Syarikat Lynas ini didedahkan kepada orang awam dari 3 hingga 26 Januari 2012. Dokumen tersebut telah ditempatkan di Dewan LPTA, Dengkil, Pejabat Setiausaha Pahang, Cawangan LPTA di Kuantan dan Pejabat LPTA di Lynas. Sehingga 26 Januari 2012, seramai 334 orang awam telah hadir memberikan ulasan dan sebanyak 1,123 ulasan telah diterima.

Berdasarkan keputusan Mesyuarat Lembaga tersebut, permohonan Lesen Kendalian Sementara (TOL) Syarikat Lynas ini diluluskan dengan beberapa syarat dimana jika syarat-syarat tersebut tidak dipatuhi, lesen TOL boleh digantung atau dibatalkan dan permohonan lesen seterusnya tidak akan dipertimbangkan. Selain itu, pengurusan residu yang berhasil, semasa Syarikat Lynas dibawah lesen TOL ini, adalah di bawah tanggungjawab syarikat termasuk, jika perlu, pemulangan residu kepada sumber asal. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

- (i) pihak Lynas perlu kemukakan semua aspek berkenaan Permanent Disposal Facility (PDF);
- (ii) pelan dan lokasi PDF perlu dikemukakan tanpa mengambil kira apakah hasil daripada penyelidikan dan pembangunan (R&D) pengkomersilan, pengkitaran dan penggunaan semula bahan residu;
- (iii) pelan dan lokasi PDF perlu dikemuka dan diluluskan dalam tempoh masa lesen dan tidak melebihi 10 bulan daripada tarikh pengeluaran lesen TOL;
- (iv) pihak Lynas perlu mematuhi syarat jaminan kewangan yang ditetapkan di bawah undang-undang yang berkaitan dan mengikut cadangan yang dikemukakan oleh pihak Syarikat Lynas (M) Sdn Bhd, sebanyak USD50juta dibayar kepada Kerajaan Malaysia secara ansuran. Ini tertakluk kepada kajian semula oleh pihak Lembaga jika ditetapkan kemudian; dan
- (v) Lembaga berhak melantik perunding bebas untuk menilai kepatuhan Syarikat Lynas terhadap standard dan peraturan yang ditetapkan dan kosnya ditanggung oleh pemegang lesen.